



BAB
XIX

PELABURAN DALAM
SIMPANAN TETAP

“ Bila anda mengatakan apa yang anda fikirkan,
jangan harap hanya mendengar apa yang anda sukai. “

Malcom S. Forbes

PELABURAN DALAM SIMPANAN TETAP

1.0 Pelaburan Dalam Simpanan Tetap

Universiti hendaklah melaburkan dana yang belum digunakan ke dalam Simpanan Tetap atau REPO bagi menjana pendapatan. Pelaburan hendaklah dilakukan oleh pegawai yang diberi kuasa.

2.0 Kriteria Pemilihan Institusi Kewangan

Pemilihan institusi kewangan untuk tujuan pelaburan adalah berdasarkan kepada beberapa kriteria seperti berikut:

- a) Perkhidmatan yang segera.
- b) Jenis pelaburan yang ditawarkan
- c) Kadar pulangan
- d) Jarak Lokasi Institusi Kewangan yang munasabah (Lembah Kelang, Putrajaya, Cyberjaya, Kajang dan Bangi)

3.0 Bendahari diberi mandat penuh untuk menjalankan segala urusan yang berkaitan tertakluk kepada perkara 2.0.

4.0 Rekod Pelaburan

Semua transaksi berkaitan pelaburan perlu diurus oleh pegawai yang diberi kuasa. Segala urusan seperti pelaburan baharu, pengeluaran, tambahan atau diperbaharui perlu direkod dan dimasukkan ke dalam Sistem Kewangan dengan tepat dan betul. Sebarang pelarasan berkaitan dengan pelaburan simpanan tetap perlu diluluskan oleh pegawai yang diberi kuasa.

